

22/10/2002

Komitmen Dr Mahathir dihargai

Zulkefli Salleh

JEDDAH, Isnin - Kesungguhan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membela kepentingan negara membangun terus mendapat penghormatan seperti yang terbukti daripada reaksi orang ramai di negara yang dilawatinya.

Malah, lawatannya ke India, Pakistan dan Arab Saudi yang berakhir hari ini, diberi liputan meluas akhbar tempatan.

Orang ramai daripada pemandu teksi dan peniaga sehingga ke cerdik pandai mengikuti lawatannya menerusi akhbar tempatan. Malah Presiden Pakistan, Jen Pervez Musharraf memuji Dr Mahathir kerana kelantangannya menyuarakan isu yang dihadapi umat Islam seperti isu Palestin dan Iraq.

"Dia seorang pemimpin yang baik dan berani. Pendiriannya terhadap isu Palestin, keganasan dan Iraq sangat jelas," kata Abdul Rahman, seorang pemandu teksi warga Bangladesh di sini.

Selain mengadakan perbincangan dengan ketua kerajaan mengenai hubungan dua hala dan isu antarabangsa, Dr Mahathir juga menyampaikan ucapan utama pada seminar ekonomi di India dan Arab Saudi.

Ahli perniagaan dan usahawan serta perancang ekonomi India dan Arab Saudi menunjukkan minat mendalam mengenai kejayaan ekonomi Malaysia termasuk kejayaannya mengatasi krisis kewangan 1997.

Dr Mahathir juga mendapat sambutan hangat dan tepukan gemuruh daripada peserta dialog yang kagum dengan pendapat bernas beliau berhubung pelbagai isu antarabangsa.

Pada majlis perasmian Forum Ekonomi Jeddah 2003 anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Jeddah (JCCI) di sini semalam, usahawan Arab Saudi mendapatkan pandangan Dr Mahathir mengenai faedah menyertai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Perdana Menteri menggalakkan Arab Saudi dan negara membangun menjadi anggota aktif dalam WTO supaya pertubuhan itu tidak hanya menguntungkan negara kaya dan kuat.

Dr Mahathir dalam pertemuan dengan tokoh korporat dan ahli perniagaan Arab Saudi di JCCI sebelum itu juga mengambil kesempatan mengadakan tayangan video mengenai Langkawi sebagai pulau pelancongan termasuk kemudahan marina yang ada di sana. Beliau juga mempromosi pulau peranginan lain seperti Tioman.

Perdana Menteri juga melakukan umrah malam tadi dan tawaf wida' pagi ini sebelum berlepas pulang ke tanah air.